

PENGAJIAN AL-QURAN DI INSTITUSI MASJID KAMPUNG SIGLAP DI SINGAPURA: SATU TINJAUAN EKSPLORATIF[♾]

*(Quranic Education at the Kampung Siglap Mosque in Singapore: An
Exploratory Study)*

Muhamad Alihanafiah Norasid¹, Mohd Sobri Ellias²,
Khairunnisa Shamshulbahri³

ABSTRACT

Kampung Siglap Mosque is a model mosque that applies the study of the Quran systematically and extensively in Singapore. The establishment of Darul Quran at Siglap Mosque is a major initiative in providing a curriculum for studying the Quran for all Muslims in Singapore. This article therefore reveals the Qur'anic study in mosque institutions in Singapore by focusing on the study of the Qur'an at the Kampung Siglap Mosque. The background of the Quran study program and special activities at Darul Quran is discussed in this article. The study also touches on the contribution of Darul Quran Mosque Siglap to the Muslim community of Singapore. This study uses historical methods, exploratory methods, and descriptive methods in revealing the study of the Qur'an in Singapore mosque institutions. As a result of the research, mosques in Singapore provide exposure to the knowledge of the Quran to the community in a formal and informal way. There are Islamic learning modules 'aLive' and 'ADIL' systematically established in several mosques

[♾] This article was submitted on: 3/12/2023 and accepted for publication on: 27/12/2023.

¹ Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan Al-Quran & Al_ahdith, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya. Juga sebagai Timbalan Ketua, Centre of Quranic Research, Universiti Malaya.

Emel: imtiaz_alhuffaz@um.edu.my

² Pensyarah Kanan (Dr.), Fakulti al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Emel: sobri.ellias@usim.edu.my

³ Graduan Sarjana Muda Usuluddin (Al-Quran & Al-Hadith) tahun 2023, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Emel: icha0806@hotmail.com

in Singapore and among the contents of the module is related to the study of the Quran. Darul Quran Masjid Siglap excels in the study of the Quran in Singapore and it is the main focus for Singaporean Muslims to deepen their knowledge of the Quran. Darul Quran also provides basic, intermediate, and advanced programs in deepening the knowledge of the Quran, in addition to collaborating with several institutions in Malaysia such as Darul Quran JAKIM and UPSI. The Darul Quran contribution of Siglap Mosque was also clearly observed through the accreditation of skilled Quranic teaching staff which was endorsed by the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS).

Keyword: *Quranic Study, Education, Kampung Siglap Mosque, Singapore*

ABSTRAK

Masjid Kampung Siglap menjadi model masjid yang menerapkan pengajian al-Quran secara sistematis dan meluas di Singapura. Penubuhan Darul Quran di Masjid Siglap merupakan satu inisiatif besar dalam menyediakan kurikulum pengajian al-Quran buat seluruh umat Islam di Singapura. Artikel ini justeru menyingkap pengajian al-Quran di institusi masjid di Singapura dengan memberikan tumpuan kepada pengajian al-Quran di Masjid Kampung Siglap. Latar belakang program pengajian al-Quran di samping aktiviti khusus di Darul Quran dibincangkan dalam artikel ini. Kajian turut menyentuh sumbangan Darul Quran Masjid Siglap terhadap masyarakat Islam Singapura. Kajian ini menggunakan pakai metode historis, metode eksploratif, dan metode deskriptif dalam mendedahkan pengajian al-Quran di institusi masjid Singapura. Hasil penelitian, masjid-masjid di Singapura memberikan pendedahan ilmu al-Quran kepada masyarakat secara formal dan tidak formal. Terdapat modul pembelajaran Islam 'aLive' dan 'ADIL' diwujudkan secara sistematis di beberapa buah masjid di Singapura dan antara kandungan modul tersebut adalah berkaitan pengajian al-Quran. Darul Quran Masjid Siglap mengungguli pengajian al-Quran di Singapura serta menjadi tumpuan paling utama bagi umat Islam Singapura untuk mendalami ilmu al-Quran. Darul Quran turut menyediakan program asas, pertengahan, dan lanjutan dalam mendalami ilmu al-Quran, di samping ia

berkolaborasi dengan beberapa institusi di Malaysia seperti Darul Quran JAKIM dan UPSI. Sumbangan Darul Quran Masjid Siglap turut jelas diperhatikan menerusi aktiviti pentauliahn tenaga pengajar al-Quran mahir yang mendapat pengesahan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Kata Kunci: *Pengajian al-Quran, Pendidikan, Masjid Kampung Siglap, Singapura*

1.0 PENDAHULUAN

Masjid menjadi syiar Islam dan merupakan satu institusi yang penting bagi umat Islam dalam membentuk dan mewarnai kehidupan masyarakat Islam. Jika dilihat peranan masjid pada zaman Rasulullah SAW dan pada masa kini, masjid menjadi pusat yang menghubungkan hamba dan Pencipta-Nya. Kemajuan umat dan gerakan Islam bermula dari masjid yang menjadikan ia sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang, dan tidak terhad pada dakwah semata-mata.⁴ Masjid menjadi platform penyatuan umat Islam dalam menguruskan hal ehwal masyarakat. Pelbagai aktiviti kerohanian dijalankan di masjid, lebih-lebih lagi pengajian al-Quran. Pelaksanaan aktiviti di institusi masjid sedikit sebanyak dapat mengisi keperluan rohani dan jasmani masyarakat yang memerlukan.⁵ Institusi masjid turut didirikan di negara-negara minoriti umat Islam termasuk di Singapura sebagai satu platform aktiviti keilmuan dan keagamaan kepada komuniti.

2.0 PENGAJIAN AL-QURAN DI INSTITUSI MASJID, SINGAPURA

Singapura adalah sebuah negara yang diduduki oleh majoriti etnik Cina. Masyarakat Islam merupakan rakyat minoriti dengan populasi 14 peratus

⁴ Penulis tidak diketahui, Lembaga Pentadbir Masjid al-Amin, *Dirgahayu Masjid al-Amin: Meraikan 25 Tahun Kecemerlangan* (Singapura: Masjid al-Amin, 2016), 99.

⁵ Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, "Pengimarahen Masjid: Tugas Kita," laman seSAWang Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 5 Ogos 2019, diakses 20 Disember 2022, https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimarahen-masjid-tugas-kita#_ftn1

daripada keseluruhan penduduk.⁶ Walaupun bilangan penduduk Singapura yang beragama Islam tidak begitu tinggi, situasi ini tidak menghalang umat Islam di Singapura mempelajari pengajian Islam. Selain madrasah sepenuh masa seperti Madrasah Al-Junied, Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah, Madrasah Al-Arabiah, Madrasah Al-Irsyad, Madrasah Al-Sagoff dan Madrasah Al-Maarif yang memiliki sistem pendidikan Islam secara formal, pengajian Islam juga turut disampaikan di masjid-masjid di Singapura. Terdapat program pendidikan Islam yang dinamakan sebagai aLIVE (Learning Islamic Values Everyday) dilaksanakan di sebahagian besar masjid Singapura. Menjelang 2024, daripada kesemua 70 masjid di Singapura, 37 masjid yang mengendalikan program pendidikan Islam aLIVE dikendalikan secara terpusat di bawah Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Pelajar.⁷

Pendidikan Islam aLIVE dibuka kepada kanak-kanak yang berumur dari 5 tahun hingga ke dewasa dengan pengajaran subjek-subjek seperti Tauhid, Fiqh, Akhlak, Sirah dan Quran. Antara subjek terpenting yang disampaikan dalam program aLIVE ialah Al-Qurān. Ilmu al-Qurān diajar bermula daripada pengenalan huruf hijaiyyah dengan surah Juz Amma, membaca dan memahami beberapa surah dan membaca Iqra', serta menghafal surah-surah seperti surah Bayyinah, al-Nazi'at hinggalah perbincangan tadabbur ayat al-Qurān pilihan.⁸ Buku yang digunakan bagi kelas mempelajari asas ilmu al-Qurān untuk program aLIVE ini dicetak oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), iaitu AQL – *Alive Quranic Literacy*. Akan tetapi buku tersebut tidak digunakan oleh semua masjid di Singapura. Ada sebilangan masjid menggunakan buku Qiraati yang diasaskan oleh Ustaz Mohammad Masruh Ahmad dari Malaysia. Metodologi yang digunakan bagi mengajar program al-Qurān adalah secara virtual dan beberapa kertas kerja akan diberikan kepada murid tersebut. Dan bagi kelas ini,

⁶ World Population Prospects (2022 Revise), "Singapore Population 2022", laman seSAWang United Nations, diakses 20 Disember 2022, <https://worldpopulationreview.com/countries/singapore-population>

⁷ Emillia Amin, "Program aLIVE di semua masjid akan dikendalikan secara terpusat di bawah ILHAM menjelang 2024", Berita Online, 7 Disember 2022.

⁸ Majlis Ugama Islam Singapura, "Islamic Education, Kids aLIVE", laman seSAWang, dikemaskini 2020, diakses 20 Disember 2022, <https://www.muis.gov.sg/ie/Programmes/Kids/Kids-aLIVE>

bacaan bukan secara beramai-ramai akan tetapi secara berseorangan dengan guru tersebut.

Terdapat juga program pembelajaran Islam buat golongan dewasa yang dinamakan sebagai ADIL (Adult Islamic Learning) dijalankan di sebahagian masjid di Singapura. Program ini dibangunkan oleh Pejabat Mufti di Singapura. ADIL dibangunkan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran Islam bagi orang Islam dewasa di Singapura. Program baharu ini dibangunkan untuk membolehkan lebih banyak pilihan bagi orang dewasa Islam untuk menerima pembelajaran Islam dalam tetapan berstruktur dan modular. Pada program ini, ia mempunyai dua modul, iaitu:

- a) Modul *baseline* (asas), yang bertujuan untuk menyediakan pelajar dewasa dengan pengetahuan asas Islam. Antara modul yang berkaitan al-Quran ialah seperti *Sumber Hidup: Pengenalan al-Qurān dan as-Sunnah (Warisan Kenabian)*. Melalui pengajian Al-Qurān, para pelajar akan diperkenalkan cara-cara menghayati keistimewaan Al-Qurān – kalimah-kalimah suci Allah yang terpelihara dengan baik pada masa kini dan mengakui kepentingan As-Sunnah sebagai asas ilmu Islam. Antara topik yang disentuh dalam modul ini ialah Memahami Mukjizat dan Pengumpulan Al-Qurān Pada Zaman Nabi Muhammad SAW, Memahami Wahyu dan Pengkategorian Surah dan Ayat, Tema Utama Al-Qurān, dan Interaksi dengan Al-Qurān.
- b) Modul Pertengahan bertujuan untuk menyediakan perbincangan mendalam tentang pelbagai sains tradisional Islam dan kaitan dan aplikasi dalam persekitaran dan cabaran kontemporari. Modul pada peringkat ini direka untuk peringkat pertengahan. Ia menggalakkan skop perbincangan yang lebih teliti dan diperluaskan, berbanding dengan tahap asas. Antara modul pertengahan yang ada berkaitan dengan ilmu al-Qurān, adalah seperti *Tafsir Surah Al-Fatihah: Kefahaman Surah Al-Fatihah Yang Menyeluruh Mengenai Surah Al-Fatihah*.⁹

⁹ Majlis Ugama Islam Singapura, “Islamic Education, ADIL”, laman seSAWang, dikemaskini 2020, diakses 20 Disember 2022,

Secara relatifnya, masjid-masjid di Singapura turut mengendalikan program asas al-Qurān dari segi mengenali huruf dan sebagainya, ia dibuka untuk ke semua tidak kira umur, sama ada secara individu ataupun secara berkumpulan. Manakala, bagi Pengajian al-Qurān lanjutan ia diadakan di kebanyakan masjid dengan tumpuan terhadap hukum-hukum Tajwid, dan talaqqi bersanad sehingga khatam al-Quran. Selain bertalaqqi, ada juga beberapa masjid yang mengendalikan pengajian al-Qurān seperti ulum Quran, tafsir, tarannum dan qiraat supaya masyarakat setempat terdedah dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qurān. Seperti contoh, masjid al-Amin mengendalikan kursus al-Qurān mingguan bersama salah satu asatizah di masjid bersama pelajar yang dari asas hingga pelajar-pelajar tersebut mampu mengkhatam al-Qurān. Antara program al-Qurān yang menarik di masjid al-Amin adalah program *Qurabic*, iaitu program untuk memahami Bahasa Arab melalui al-Qurān.

3.0 MASJID KAMPUNG SIGLAP: MODEL MASJID AL-QURAN DI SINGAPURA

Antara masjid yang dikenali sebagai masjid berorientasikan al-Qurān adalah Masjid Kampung Siglap. Masjid tersebut mempunyai kursus al-Qurān khas yang dipanggil sebagai Darul Qurān yang mana pada pengajian tersebut ia mempunyai pengajian ilmu al-Qurān secara mendalam dan khusus seperti Qiraat, Ulum Quran, dan Tahfiz. Malah, pusat tersebut mempunyai pengiktirafan di peringkat negara Singapura serta beberapa negara, manakala penjenamaan Darul Quran tersebut diberikan sendiri oleh pihak MUIS.¹⁰ Masjid Kampung Siglap adalah antara masjid yang tertua yang ada di Singapura. Awal pembinaan masjid tersebut tidak diketahui hingga ke hari ini, akan tetapi catatan yang ada di dinding mihrab Masjid Kampung Siglap yang lama iaitu masjid yang dibina buat kali kedua pada 13 Disember, 27 Ramadhan 1320 Hijrah. Masjid tersebut sudah dibina sejak lama lagi dan masjid yang ada dan terpelihara ini merupakan bangunan yang kedua. Bangunan pertama yang dibina terletak di hujung tanjung

<https://www.muis.gov.sg/ie/Programmes/Adults/ADIL-Modules-and-Course-Structure#footnote16>

¹⁰ Muhammad Haikal Bin Ab Halim (Pegawai Eksekutif Dakwah, Masjid Al-Amin), dalam temubual dengan penulis 2 Disember 2022.

Siglap yang berbentuk limas diperbuat daripada papan, bertiang nibung dan beratapkan nipah. Malangnya, bangunan masjid yang pertama itu dialahkan ombak yang besar. Maka terbinalah bangunan yang kedua di tapak yang jauh sedikit daripada pantai dan bangunan tersebut.

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) memberi banyak sokongan pada Masjid Kampung Siglap. Sejak 1968, Masjid Kampung Siglap di bawah pentadbiran Majlis Ugama Islam Singapura, di bawah Akta Pentadbiran Hukum Islam, AMLA. Dengan hubungan akrab bersama MUIS, banyak dorongan yang diberikan oleh pihak MUIS termasuk kursus-kursus, bantuan fakir miskin sehinggalah gagasan Pusat Tahfiz dan jurusan Pendidikan al-Qurān.¹¹ Masjid Kampung Siglap yang dapat dilihat pada hari ini merupakan masjid yang dibina semula pada tahun 1990. Bangunan baharu masjid telah dibina bersebelahan dengan Pusat Tahfiz Al-Qurān Singapura yang merupakan pondok surau pada ketika dahulu.

Masjid Kampung Siglap yang baharu, dibuka secara rasmi pada hari Ahad, 3 Rejab 1413 Hijrah, iaitu 27 Disember 1992. Ia telah dirasmikan oleh yang Berhormat Mufti Singapura, Syed Isa Bin Semait pada ketika itu. Tidak lupa juga, seorang insan yang memberikan banyak perubahan dan sumbangan beliau, semangat dedikasinya terhadap Masjid Kampung Siglap adalah Cikgu Mohd Anis Tairan yang telah berkhidmat di masjid selama 60 tahun. Berkat usaha dan idea beliaulah, maka terbangunlah masjid dan Pusat Darul Qurān di Kampung Siglap.¹² Masyarakat yang hadir di Masjid Kampung Siglap daripada pelbagai lapisan umur. Bahkan, ada juga sukarelawan masjid yang sudah lama berkhidmat di masjid dan mereka turut mengajar al-Qurān yang dinamakan *Quran Fans*. Misi Masjid Siglap pula ialah mengadakan Program al-Qurān terkemuka di Singapura, yang memudahkan pembangunan generasi al-Qurān dengan menyampaikan program terbaik dan menyediakan perkhidmatan dan sumber terbaik untuk umat Islam memajukan diri dengan cara al-Qurān dan

¹¹ *Ibid.*

¹² Penulis tidak diketahui, *Kampungku Siglap Memoir Mohd Anis Tairan*, Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 2010), 46.

Sunnah dalam persekitaran yang kondusif dan selesa. Manakala visi masjid pula ialah memupuk generasi pembaca, pencinta, dan penghafaz al-Quran.¹³

Masjid Siglap juga tidak terhad dalam menyampaikan kuliah atau pengajian di masjid sahaja, bahkan platform media sosial juga digunakan bagi masyarakat menimba ilmu dan mendapat pengetahuan di hujung jari. Kuliah 'online' yang ada di laman web mereka sangat menarik dan bermanfaat bagi mereka yang ingin ikuti kuliah yang diadakan di masjid. Tempoh kuliah *online* tersebut sekitar 15 minit hingga sejam sahaja. Antara kuliah berkaitan al-Quran yang terdapat di laman *Youtube* mereka ialah *Doa dalam al-Qurān, Minum Pagi: Talaqqi & Tadabbur, Tafsir ayat-ayat pilihan koleksi khutbah Ahmad Sonhadji Mohamad, Qiraat dalam Al-Qurān, dan Mendalami Juz 30 dan tafsirannya*. Dengan visi dan misi yang dibuat oleh masjid, dan pengajian yang diadakan ini dapat dilihat bahawa masjid lebih fokus kepada mengadakan program dan pendidikan al-Qurān bagi masyarakat Singapura dan menerapkan pengajian al-Qurān sejak kecil lagi. Dengan itu, Masjid Kampung Siglap dikenali sebagai Darul Qurān kerana menawarkan kelas-kelas dan program al-Qurān yang pelbagai dan luas yang tidak ada pada masjid-masjid lain di Singapura.

Tuntasnya, Masjid Kampung Siglap memberikan perkhidmatan yang berbagai dan kemudahan bagi masyarakat. Dengan teknologi yang semakin canggih, masjid menggunakan platform tersebut untuk menyampaikan dakwah dan servis bagi umat Islam. Tidak lupa juga, asas ilmu agama sentiasa diadakan untuk memberikan masyarakat Islam menimba dan mempertingkatkan diri mereka. Ilmu al-Qurān menjadi satu niche program di Masjid Kampung Siglap, mereka mengadakan pelbagai program al-Qurān yang mana hingga ke hari ini, Masjid Kampung Siglap dikenali sebagai pusat Darul Qurān dan pihak MUIS juga memberi sokongan yang banyak kepada masjid sejak dari dulu tubuhnya masjid.

4.0 DARUL QURAN SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN AL-QURAN DI MASJID KAMPUNG SIGLAP

Pegawai Masjid Kampung Siglap melihat ilmu al-Quran perlu disebar di Singapura secara meluas. Para agamawan perlu mengambil tahu hal ehwal

¹³ *Ibid.*

masyarakat Islam di Singapura sama ada mereka mengetahui tentang ilmu al-Qurān atau tidak, kerana jika tidak diusahakan, tidak akan ada mana-mana pihak yang akan melihat perkembangan pengajian al-Qurān, sama ada mereka boleh membaca al-Qurān ataupun tidak. Malah, masyarakat Islam Singapura sendiri tidak mengetahui keabsahan kitab-kitab tafsir yang beredar di Singapura jika tiadanya pendedahan mengenai ilmu tafsir di Singapura. Penubuhan Darul Qurān, adalah idea dan niat almarhum Cikgu Mohamad Anis Tairan, pemimpin Masjid Kampung Siglap, yang sudah berkhidmat lama di Masjid Kampung Siglap. Setelah bangunan masjid dibina pada tahun 1990, bangunan lama seperti rumah perkampungan itu berada dalam keadaan terbiar kerana ia tidak digunakan oleh jemaah yang hadir.¹⁴

Pada ketika itu, masyarakat di penduduk Siglap tidak begitu ramai hadir ke masjid. Dengan teguran atau kata-kata dari para asatizah dan ulama' yang mencadangkan supaya masjid lama perlu digunakan untuk memakmurkan atau mengimarahkan masjid, maka almarhum Cikgu Mohd Anis Tairan memikirkan dengan cara yang bagaimana perlu dilakukan untuk menghidupkan bangunan masjid lama semula. Dengan memikirkan begitu dalam, maka ia hingga terbawa-bawa ke dalam mimpi. Di dalam mimpi itu, almarhum terlihat seperti ada tadarrus di situ dan terlihat ratusan mushaf al-Qurān tersusun dan terbuka halaman demi halaman di dalam ruang masjid lama. Di situlah, almarhum merasakan bahawa perlu bagi tempat tersebut diisi dengan kegiatan membaca al-Qurān, maka timbullah inspirasi atau ilham untuk menjadikan ruang masjid kampung yang lama sebagai pusat membaca al-Qurān.¹⁵ Di samping itu juga, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) turut mengadakan inisiatif untuk menubuhkan Lembaga Pendidikan Quran Singapura (LPQS) untuk Menyusun semula struktur pembelajaran al-Qurān di Singapura, dengan memanggil pakar dalam buku IQRA', iaitu buku itu digunakan secara menyeluruh daripada IQRA 1 hingga 6. Justeru itu, inisiatif ini ditubuhkan untuk melatih asatizah di

¹⁴ Ustaz Jasmani Abdullah (Bekas Pegawai Masjid Kampung Siglap dan Darul Quran), dalam temubual dengan penulis 29 Januari 2023.

¹⁵ Penulis tidak diketahui, Kampungku Siglap Memoir Mohd Anis Tairan, Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 2010), 43-47.

Singapura dalam mengajar al-Qurān. Dan Masjid Kampung Siglap adalah di antara masjid yang dijemput untuk bekerjasama dalam perkara tersebut.¹⁶

Sebagai Lembaga Pentadbiran Masjid, almarhum membawa inspirasi tersebut ke ahli lembaga masjid kampung Siglap yang lain dan ia disambut dengan baik dan positif. Justeru, pada 10 Februari 1995, mesyuarat antara Lembaga Pendidikan al-Qurān Singapura diadakan untuk dibincangkan. Dengan sokongan pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Menteri Bertanggungjawab bagi hal Ehwal Masyarakat Islam yang juga perasmi Masjid Kampung Siglap, maka tubuhlah Pusat Tahfiz di masjid dan bangunan telah dapat dimanfaatkan. Bangunan itu telah diubah suai kepada nilai \$30,000 yang dibiayai oleh Majlis Ugama Islam Singapura dan juga sokongan masyarakat hingga terkumpul \$7.5 juta untuk membangunkan bangunan Darul Qurān. Penubuhan pusat menghafaz al-Qurān telah diumumkan semasa Majlis Zikral Hijrah 1420H pada 16 April 1999. Pada 30 Mei 1999, Pusat Tahfiz Al-Qurān Singapura membuka pintu kepada kumpulan pertama pelajarnya dan kemudian ia dibuka secara rasmi oleh Mufti Singapura, Presiden MUIS dan pembesar dan ulama lain pada 18 Julai 1999.

Visi Darul Qurān Singapura adalah untuk menjadikan ia sebagai pusat pendidikan al-Qurān yang dapat menghasilkan para Huffaz dan Qurra' dan guru yang berkualiti. Dan misi Darul Qurān Singapura adalah untuk mempromosikan ilmu mengenai al-Qurān dari sudut pemahaman dan pembacaan. Dengan adanya visi dan misi, ia membantu dan memberi panduan kepada pegawai Darul Qurān untuk menjalankan segala program dan jalan di Darul Qurān.¹⁷ Setiap dari program yang diadakan atau ditawarkan, perlu mencapai objektif yang digariskan, iaitu:

- Peningkatan kemahiran serta pembasmian literasi.
- Peningkatan mutu bacaan serta menggalakkan penjagaan al-Qurān melalui penghafalan.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Basirah Abu Bakar, "Metod Pengajian Tahfiz Singapura: Kajian Darul Quran Singapura", Simposium (2016), https://www.academia.edu/40034384/METOD_PENGAJIAN_TAHFIZ_DI_SINGAPURA_KAJIAN_DARUL_QURAN_SINGAPURA

- Menimbulkan penghayatan dan pemahaman al-Qurān dalam medium pengajian yang bervariasi.
- Pendidikan Umum.
- Penyelidikan dan Pembangunan (*Research and Development*).¹⁸

Masjid Kampung Siglap dikenali sebagai pusat yang menganjurkan pelbagai program al-Qurān, dari kuliah harian hinggalah program dan kursus secara khusus mengenai ilmu al-Qurān. Dengan adanya pusat Darul Qurān, almarhum Cikgu Mohd Anis Tairan tidak menyangka bahawa sambutan luar dari jangkauan. Selain para ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke tadika dan kelas madrasah hujung minggu di Masjid Kampung Siglap, kelas al-Qurān menarik minat mereka dan para ibu bapa bahkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur juga ikut serta.¹⁹ Program dan kursus Darul Qurān terbuka dan sesuai bagi pelbagai lapisan umur dan juga bagi semua peringkat daripada asas hinggalah lanjutan, pendekatan belajar secara kelas atau seorang demi seorang (talaqqi) dan bagi yang ingin menjadi hafiz atau hafizah. Antara program yang diadakan di Darul Qurān dari program bagi peringkat asas hingga lanjutan adalah:

- **Program Asas:**

I. **Klinik al-Qurān:** program ini dibuka bagi muslimin dan muslimah yang berumur dari 12 tahun ke atas dan dewasa. Program tersebut mengajar pelajar membaca al-Qurān secara berseorangan dengan asatizah yang berpengalaman dan memiliki tauliah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS), dan masa pengajian hanya 20 minit sahaja. Bahan pengajian adalah dengan menggunakan buku AQL. AQL adalah buku yang dihasilkan daripada kajian yang dilakukan oleh pegawai Darul Qurān sendiri. Kini, buku tersebut digunakan untuk kelas-kelas aLIVE yang ada di masjid-masjid di Singapura.²⁰

¹⁸ Sakinah Saptu, Mahyudin Sabri Zainal, Mohamed Qusairy Thaha, Peranan Darul Quran Singapura (DQS) Dalam Melestarikan Pengajian Ilmu Al-Qurān: Satu Tinjauan, diakses pada 25 Januari 2023.

¹⁹ Penulis tidak diketahui, Kampungku Siglap Memoir Mohd Anis Tairan, Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 2010), 44.

²⁰ Rosdiana Alias (Pengurus Masjid Kampung Siglap), Nur Muslimah Imam Fakeh (Pemasaran & Komunikasi (Marcomm), dalam temubual dengan penulis, 6 Disember 2022.

II. Taman Pengajian al-Qurān: ia adalah satu program khas bagi kanak-kanak yang berumur 5 hingga 12 tahun dan diadakan pada setiap hujung minggu, iaitu hari Ahad. Pada kursus ini, pelajar akan mempelajari mengenai:

- Menenal huruf Hijaiyyah
- Menghafaz Surah an-Naas hingga al-Lail
- Talaqqi Iqra' atau al-Qurān secara berseorangan dengan asatizah.
- Surah-surah lazim dalam al-Qurān.²¹

- **Program Pertengahan:**

I. Sijil Tahfiz: Sijil Tahfiz adalah satu program pengajian menghafal al-Qurān yang ditawarkan bagi semua peringkat umur yang berminat untuk menghafal al-Qurān. Di sini, pelajar akan mula menghafal daripada Juz 30 sehingga habis 30 Juz. Program ini fleksibel, dan tiada ketetapan sebarang tempoh untuk pelajar lengkapkan hafalan dan ia mengikut pada kadar kemampuan pelajar dan kesungguhan mereka dalam menghafal. Program ini dibuka bagi pelajar yang berumur 7 tahun ke atas tetapi dengan syarat mereka mampu membaca al-Qurān dengan baik dan sekurang-kurangnya mampu menghafal setengah muka surat dalam masa sejam. Bentuk program ini terbahagi kepada beberapa bahagian:

- **Sijil Tahfiz Separuh Masa:** pengajian ini diadakan pada hujung minggu selama 2 jam pada setiap sesi. Bagi pengajian ini, bagi yang dibawah kelas Tahfiz Atfal (7 tahun hingga 12 tahun) wajib mengikuti sesi Tajwid pada setiap minggu ketiga dan yang dibawah Tahfiz Shabab (13 tahun hingga 18 tahun), Rijal dan Nisa (19 tahun ke atas) wajib mengikuti sesi Tadabbur.
- **Sijil Tahfiz Ekspres:** pengajian diadakan hanya 4 hari dan pada setiap sesi itu selama 2 hingga 3 jam. Dan ia dibuka khusus bagi muslimah.
- **Sijil Tahfiz Ummahat:** khusus bagi muslimah yang khusus bagi para ibu yang ingin menghafaz al-Qurān, yang mana sesi tersebut adalah 2 jam sahaja bagi setiap sesi.

²¹ Masjid Kampung Siglap, "Programs & Courses", laman seSAWang, dikemaskini 2022, diakses 10 Januari 2023, <https://www.mks.org.sg/>

- **Tahfiz di Masjid Satelit** yang diadakan di masjid-masjid lain di kawasan lain bagi masyarakat setempat di sana yang ingin mengikuti program tetapi duduk berjauhan dengan Masjid Kampung Siglap.
- **Tahfiz Online 100%** yang diadakan secara talian.

Cara pembelajaran dalam menghafal bagi program ini adalah:

1.	Tasmi'	Pelajar mendengarkan hafalan baru mengikut apa yang ditetapkan oleh guru tersebut.
2.	Murajaah Baru	Pelajar perlu mengulang hafalan yang sedang dihafal mengikut kadar yang ditetapkan oleh guru.
3.	Murajaah Lama	Pelajar perlu mengulang hafalan yang selesai mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh guru.
4.	Talaqqi	Pelajar perlu membaca dan memperbetulkan bacaan bagi hafalan yang ditasmi'. (jika perlu)
5.	Aktiviti Kelas	Tugas yang diberikan oleh guru dan juga mengikuti kelas Tajwid dan Tadabbur pada setiap minggu ketiga.

Jadual 1: Cara Pembelajaran Dalam Menghafal.

Ujian juga diadakan dan ada syarat yang perlu pelajar turuti untuk mereka lulus dalam ujian itu. Ujian bagi pelajar yang menghafal Juz 30, syaratnya adalah selesai menghafal semua surah-surah pada Juz 30.²² Terdapat beberapa teknik menghafal turut didedahkan kepada pelajar seperti teknik *Chunking*, iaitu memisahkan sepotong ayat yang panjang kepada beberapa bahagian atau memisahkan muka surat. Kemudian teknik mengulang, menulis, mendengar audio, *partner* hafalan (semak bacaan antara kawan), *mind mapping* dan juga aplikasi al-Qurān yang sesuai digunakan bagi bacaan al-Qurān.²³

²² Penulis tidak diketahui, Prospektus Dan Buku Panduan Sijil Tahfiz Darul Quran Singapura, (Singapura: Masjid Kampung Siglap), 5-6

²³ *Ibid*

Program Tahfiz ini diikuti oleh peserta yang bukan sahaja mempunyai latar belakang madrasah sepenuh masa atau yang berumur belasan tahun bahkan peserta yang berumur 57 tahun dan juga bukan dari madrasah atau yang bekerja sepenuhnya juga turut mengikuti program tahfiz. Menerusi program ini, bermula tahun 2004 hingga ke hari ini, Darul Qurān melahirkan para huffaz lebih dari 32 orang.

II. Asas Tarannum: Program ini diadakan bagi yang ingin memerdukan bacaan al-Qurān mereka. Yang pertama, pelajar dapat mempelajari 2 jenis lagu tarannum iaitu Bayyati dan Nahawand. Kedua, melantunkan bacaan ayat-ayat al-Qurān yang kepanjangannya sederhana, dalam tarannum Bayyati dan Nahawand. Ketiga, mempelajari teknik pernafasan yang sesuai ketika membaca al-Qurān. Terakhir, memahami kegunaan tarannum Bayyati dan Nahawand dalam menyesuaikan dengan makna ayat al-Qurān ketika membaca.

III. Talaqqi Bersanad: Program talaqqi bersanad merupakan pengajian secara bersemuka di Masjid Kampung Siglap dan secara perseorangan bersama para asatizah Singapura dan juga asatizah dari luar negara yang mempunyai sanad Qiraat.²⁴ Dalam program talaqqi ini, pelajar boleh mengikuti sekali seminggu dan sesi tersebut adalah 15 minit sahaja atau pembelajaran teradun (*blended-learning*) iaitu pembelajaran yang disesuaikan mengikut tarikh dan hari yang ditetapkan dan sesi tersebut adalah dua kali seminggu dan 15 minit bagi setiap sesi.

V. Sijil Tajwid Al-Qurān: Program ini dibuka kepada peserta yang berumur 17 tahun ke atas dan sudah fasih membaca al-Qurān serta mempunyai teori asas tajwid kerana program tersebut mendedahkan kaedah tajwid secara teori dan praktikal serta ujian kecekapan selepas setiap modul. Program ini mempunyai 2 modul dan setiap modul itu mempunyai 10 sesi. Dan sesi tersebut, pelajar perlu hadir 2 kali sebulan.²⁵

- **Program Lanjutan**

Program lanjutan disusun sebagai satu platform latihan guru-guru al-Qurān yang dianjurkan oleh Masjid Kampung Siglap sejak 2012 lagi untuk melatih semua guru al-Qurān di Singapura untuk melaraskan metodologi pengajian al-Qurān.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

Ia juga adalah program pendidikan yang berterusan, dan bagi mereka yang ingin meningkatkan dan mengembangkan ilmu-ilmu mengenai al-Qurān, khusus bagi guru-guru al-Qurān di Singapura dan juga masyarakat yang ingin ikut serta juga dibolehkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Dan antara programnya adalah:

- I. Sijil Khas untuk Guru al-Qurān - *Specialized Certificate for Quran Teachers* (SCQT)
- II. Diploma Khusus untuk Guru al-Qurān - *Specialized Diploma for Quran Teachers* (SDQT)

Bagi kedua program ini dibuka khusus bagi guru-guru al-Qurān yang ingin meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang ilmu al-Qurān. Mereka akan didedahkan kepada aspek ‘Ilmi (teori) dan juga ‘Amali (Aplikasi). Dengan pendekatan *skill-based*, iaitu berteraskan kemahiran, program ini dapat membantu guru-guru al-Qurān untuk mempunyai kualiti yang baik dalam menyampaikan ilmu al-Qurān kepada masyarakat. Menurut Ustaz Mohamed Qusairy, untuk masyarakat Islam Singapura mendapat pengajian al-Qurān yang baik, para guru al-Qurān perlu mempunyai cara penyampaian dan ilmu yang baik. Justeru, dengan adanya program SCQT dan SDQT, ia untuk melatih guru-guru al-Qurān.²⁶

Darul Qurān memberikan pentauliahn kepada para guru-guru al-Qurān bagi siapa yang layak mengajar pelajaran al-Qurān di Singapura dan pengiktirafan tersebut dipanggil sebagai Skim Pengiktirafan Guru Al-Qurān (QTRS). Pentauliahn tersebut pertama kali dimulakan pada tahun 2009. Antara objektif skim QTRS ini adalah:

1. Mengiktiraf guru-guru al-Qurān di Singapura dengan menilai mereka.
2. Untuk memberi peningkatan kepada guru-guru al-Qurān
3. Mengadakan pelbagai program al-Qurān untuk meningkatkan cara mengajar bagi guru-guru al-Qurān.²⁷

²⁶ Mohamed Qusairy Bin Thaha (Bekas Pegawai Darul Quran) dalam temubual dengan penulis, 7 Disember 2022.

²⁷ Basirah Abu Bakar, “Metod Pengajian Tahfiz Singapura: Kajian Darul Quran Singapura”, Simposium (2016),

Bagi pemilihan guru al-Qurān, ia harus disemak oleh Jawatankuasa Pemilihan Guru al-Qurān (QTSC). Dan antara yang akan menilai adalah Pengerusi QTSC, iaitu Ustaz Mohamed Qusairy Bin Thaha, ketua Darul Qurān Singapura dan urusetia kepada skim tersebut adalah Masjid Kampung Siglap. Ustaz Mohamed Qusairy adalah pegawai yang akan menyediakan arahan, meluluskan pencalon atau permohonan dan menyelia guru-guru al-Qurān.

Antara bahan pengajian yang digunakan adalah seperti:

- Buku Qiraat 10, tulisan Ustaz Nazri Abdullah.
- Buku Rasm Uthmani, tulisan Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abd. Ghani.
- Buku Tajwid al-Qurān (Asas), dari Abu Mardhiah.
- Buku Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafz ‘an Asim melalui Toriq asy-Syatibi, dari Salahudin Omar.

Selain kursus program yang berterusan bagi guru-guru al-Qurān, Darul Qurān juga menganjurkan 2 kursus sekurang-kurangnya setiap tahun yang mana kursus itu adalah Pendidikan Profesional Berterusan (CPE). Ia adalah satu skim latihan bagi meningkatkan profesionalisme Skim Pengiktirafan Asatizah bagi yang mengajar. Dengan itu, asatizah perlu memenuhi bilangan minimum jam kredit dalam tempoh 3 tahun melalui penyertaan dalam program-program yang diadakan agar pengiktirafan ARS mereka diperbaharui. Perkara ini adalah syarat yang ditetapkan oleh pihak ARS MUIS.²⁸

5.0 KOLABORASI DARUL QURAN SINGAPURA BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Dalam usaha mengembangkan pengajian di Darul Quran Singapura ke tahap yang lebih tinggi, Darul Quran, Masjid Siglap Singapura telah menjalinkan

https://www.academia.edu/40034384/METHOD_PENGAJIAN_TAHFIZ_DI_SINGAPURA_KAJIAN_DARUL_QURAN_SINGAPURA

²⁸ Go Business Singapore, Asatizah Recognition Scheme, laman seSAWang gobusiness, diakses 20 Januari 2023, [https://www.gobusiness.gov.sg/browse-all-licences/majlis-ugama-islam-singapura-\(muis\)/asatizah-recognition-scheme#:~:text=Continuous%20Professional%20Education%20\(CPE\)%20is](https://www.gobusiness.gov.sg/browse-all-licences/majlis-ugama-islam-singapura-(muis)/asatizah-recognition-scheme#:~:text=Continuous%20Professional%20Education%20(CPE)%20is)

kerjasama dengan beberapa institusi pengajian al-Quran di Malaysia, antaranya seperti berikut:

i. Kerjasama Darul Qurān Singapura bersama Darul Qurān JAKIM, Selangor

Kerjasama antara Darul Qurān Singapura bersama Darul Qurān JAKIM telah terjalin sejak 2019 lagi. Ia adalah kolaborasi yang memberikan ruang dan peluang kepada pelajar Singapura untuk melanjutkan pelajaran dalam Diploma Tahfiz wal Qiraat. Darul Qurān Singapura adalah diberikan mandat sebagai platform temuduga bagi pelajar Singapura yang berminat untuk melanjutkan pengajian Diploma sepenuh masa dalam bidang al-Qurān di Darul Qurān JAKIM, Kuala Kubu Bharu, Selangor, Malaysia. Dengan kolaborasi kedua-dua institut ini, ia memudahkan pelajar Singapura untuk menjalani ujian di Singapura, dan tidak perlu ke Darul Qurān JAKIM. Jika dibandingkan dengan pelajar Malaysia, mereka lebih sukar untuk diterima di sana kerana Darul Qurān JAKIM hanya mengambil 10 peratus daripada 2500-3000 peserta yang ingin memasuki pengajian tersebut.²⁹ Kerjasama ini selaras dengan visi Darul Qurān yang bertujuan untuk membentuk anak muda Singapura sebagai ulama al-Qurān bagi mereka yang berpotensi.

Pada asalnya pihak JAKIM sudah bersetuju untuk berkolaborasi bersama Darul Qurān Singapura sepenuhnya sebagai satu cabang pendidikan, akan tetapi ada beberapa kekangan yang dilihat oleh kerajaan Singapura. Meskipun tidak dapat adakan program Darul Qurān JAKIM sepenuhnya, pihak Darul Qurān Singapura berbesar hari dan bangga jika dapat menghantar wakil Singapura ke sana.³⁰ Oleh itu, bagi pelajar Singapura yang berminat, pelajar tersebut perlu melalui proses temuduga dan juga beberapa ujian seperti ujian bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Hafazan al-Qurān. Kriteria kemasukan bagi pelajar adalah:

²⁹ Prof Madya Dr Sedek Ariffin (Pensyarah Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 5 Disember 2023, secara atas talian. Temu bual berkisar Institusi Darul Quran JAKIM memandangkan beliau merupakan bekas pensyarah di institusi tersebut, dan beliau juga giat menjalankan kajian berkaitan Institusi Darul Quran JAKIM dan prospek pengajian hafazan al-Quran di Malaysia.

³⁰ *Ibid.*

- Berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin
- Lulus ujian Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Melayu GCE 'O'-Levels dengan minimum Gred C.
- Menamatkan Pengajian Agama Islam Peringkat Menengah di Madrasah atau Institusi Sepenuh Masa.

ii. Kerjasama Darul Qurān bersama Universiti Pendidikan Islam Selangor (UPSI)

Selain program Sijil dan Diploma bagi guru-guru al-Qurān dan Diploma Tahfiz wal Qiraat, Darul Qurān Singapura juga menyediakan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Program Ijazah Sarjana Muda ini baru sahaja dibuka secara rasmi pada tahun 2023.³¹

Ketika dalam proses mendapatkan pengiktirafan bagi kolaborasi Darul Qurān Singapura dan UPSI, Darul Qurān Singapura memanggil pengajar dari UPSI juga untuk mengajar 3 bulan di Darul Qurān. Syarat kemasukan bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) adalah pelajar perlu mempunyai Diploma Khas bagi Guru-Guru al-Qurān (SDQT) atau Diploma Pengajian Islam dengan kelulusan Sijil Peringkat 'A' di Singapura. Tempoh pengajian adalah 3.5 tahun (8 semester) dan pengajian disampaikan dalam bahasa Melayu.³²

6.0 AKTIVITI KHUSUS DARUL QURAN SINGAPURA

Darul Quran Singapura turut menjalankan aktiviti khusus bagi merealisasikan visinya iaitu melahirkan generasi Qurani. Antara aktiviti khusus tersebut ialah:

- *Musabaqah Tahfiz Jeelun Qurani*

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

Program Musabaqah Tahfiz *Jeelun Qurani* ini bermula sejak 2015 anjuran Darul Quran Singapura. Musabaqah sering diadakan pada bulan Ramadhan, kerana masyarakat umum mengetahui bahawa Ramadhan adalah bulan al-Qurān. Maka, Darul Qurān merasakan bahawa musabaqah wajar dianjurkan pada setiap tahun dalam bulan Ramadhan yang bukan sahaja melibatkan pelajar dari Darul Qurān, bahkan masjid dan institusi al-Qurān yang lain. Oleh yang demikian, musabaqah ini diberi nama ‘Musabaqah Jeelun Quran’ kerana perkataan Jeelun Qurani adalah bersempena dengan visi Darul Qurān Singapura dan Masjid Kampung Siglap, iaitu ‘Mewujudkan Generasi al-Qurān’.

Tujuan atau objektif mengadakan musabaqah ini untuk melahirkan generasi huffaz yang berwibawa, meningkatkan mutu dan kemurniaan bacaan al-Qurān dari segi tajwid, kelancaran dan sebutan huruf, memberi pendedahan dan menaikkan semangat orang ramai untuk menghafaz al-Qurān, juga memahami apa yang terkandung di dalam al-Qurān melalui terjemahan dan hafalan ayat-ayat suci al-Qurān. Ia juga untuk menanamkan sifat berlumba-lumba dalam melakukan amal solat (Istabiqul Khairat) dalam kalangan peserta dan juga menyediakan platform bagi pelajar Tahfiz memantapkan hafazan mereka. Darul Qurān juga membuka kepada pada pelajar Darul Qurān Singapura, atau huffaz dari institusi tahfiz yg lain, tanpa had umur tertentu, untuk menyertai pertandingan ini. Perkara ini bersesuaian dengan objektif serta visi Darul Qurān Singapura, iaitu ‘Melahirkan Generasi al-Qurān’.³³

- **Penerbitan Jurnal *Jeelun Qurani***

Jurnal *Jeelun Qurani* adalah satu usaha yang dilakukan oleh Darul Qurān Singapura bagi menghimpunkan makalah akademik berkaitan al-Quran. Edisi pertama jurnal ini ialah pada tahun 2019. Ia menghimpunkan kertas kajian yang ditulis oleh para pegawai yang membuat program-program al-Qurān di Darul Qurān Singapura. Penulisan tersebut juga dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah tersohor daripada universiti-universiti di Malaysia. Pada Jurnal ini, ia membincangkan mengenai aktiviti pendidikan dan kajian al-Qurān yang

³³ Khairunnisa Binte Mohamed Rahim, “Jurnal Jeelun Qurani”, Pelaksanaan Musabaqah Tahfiz Al-Qurān *Jeelun Qurani* Darul Quran Singapura (DQS).1 (2019), 137.

dijalankan, seperti ilmu Qiraat, khutbah al-Marhum Ustaz Ahmad Sonhadji yang merupakan tokoh tafsir Singapura, serta kajian program Darul Qurān Singapura sendiri. Setiap pegawai disarankan menulis artikel dalam skop bidang tugas mereka selaras dengan program yang diadakan di Darul Qurān. Jurnal Jeelun Qurani ini boleh didapati di laman sesawang Masjid Kampung Siglap.


- **Cetakan al-Qurān Mushaf Singapura**

Al-Qurān mushaf Singapura merupakan satu-satunya cetakan al-Qurān dari Singapura hasil inisiatif Lembaga Pentadbir Masjid Kampung Siglap iaitu almarhum Cikgu Mohd Anis Tairan. Seiring dengan usaha membina bangunan Darul Qurān, almarhum mendapat ilham mengusahakan cetakan al-Qurān kerana pengurusan Darul Qurān mengamalkan tradisi memberi hadiah naskhah al-Qurān mushaf Singapura kepada para pengunjung.

Singapura tidak mempunyai mushaf yang dapat dibanggakan sebagai mushaf Singapura, jika dibandingkan dengan Malaysia yang menampilkan mushaf yang dihasilkan oleh rakyatnya menerusi Syarikat Yayasan Restu, Begitu juga di Indonesia, terdapat mushaf Istiqlal dicetak hasil daripada buah tangan rakyat Indonesia. Selain tokoh tafsir di Singapura yang tersohor seperti almarhum A Hassan (atau Hassan Bandung), almarhum Abdullah Basmeih (yang kemudian berhijrah ke Malaysia), dan Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamed, terdapat juga penghasilan mushaf al-Qurān yang dicetak di Singapura walaupun Singapura ini hanyalah sebuah negara minoriti umat Islam. Al-Qurān Mushaf Singapura (QMS) telah dicetak sebanyak 20,000 naskhah. Bagi yang ingin mendapatkan mushaf tersebut, bolehlah melakukan infaq \$25 dan mushaf tersebut boleh didapati di kaunter perkhidmatan pelanggan di Masjid Kampung Siglap.

Pemilihan penulisan khat atau gaya penulisan yang dipilih adalah dari Madinah. Kulit al-Qurān pula direka dengan memasukkan ciri-ciri kesingapuraan. Corak al-Quran pula direka bentuk hasil usaha daripada pihak Darul Qurān dengan penampilan ciri 10 jati diri Muslim Singapura, corak kemajmukan masyarakat Singapura, dan motif-motif daripada bunga kebangsaan iaitu anggerik *Vanda Miss Joaquim*. Terdapat juga lambang daripada bendera Singapura yang terdiri daripada hilal (bulan sabit dan lima bintang), ciri motif bangunan Masjid Kampung Siglap serta motif daripada reka bentuk masjid

di Singapura seperti Masjid Sultan. Warna mushaf tersebut melambangkan warna Singapura iaitu merah putih serta terdapatnya rangkuman awan larat rumpun melayu dan tamadun Islam yang indah dan unggul. Darul Qurān Singapura berjaya mempersembahkan al-Quran Mushaf Singapura yang telah mendapat kelulusan Kementerian dalam Negeri (KDN) Malaysia untuk disebar di Malaysia.³⁴



Gambar Al-Qurān Mushaf Singapura

7.0 SUMBANGAN DARUL QURAN, MASJID SIGLAP KEPADA MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA

Masjid di Singapura sudah pasti memberikan sumbangan yang signifikan bagi keperluan masyarakat Islam di Singapura. Selain menjadi pusat penyaluran zakat kepada mereka yang memerlukan, ada juga beberapa manfaat yang diperoleh oleh warga Singapura di masjid seperti kuliah-kuliah ilmu, kewujudan badan sukarelawan masjid yang membantu komuniti setempat dari segi pemberian makanan, menziarahi rumah kebajikan atau rumah anak-anak yatim. Masjid di Singapura juga menjadi medan kepada para guru-guru agama untuk mempertingkatkan kemahiran mengajar khususnya dalam pendidikan al-Quran. Sebagai contoh, Masjid Yusof Ishak menganjurkan bengkel metodologi mengajar

³⁴ Penulis tidak diketahui, *Kampungku Siglap Memoir Mohd Anis Tairan*, Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 2010), 45.

al-Qurān terhadap kanak-kanak. Penyertaan bengkel ini adalah dalam kalangan para guru-guru al-Quran di Singapura.³⁵

Di bawah naungan Masjid Kampung Siglap pula, didapati bahawa pengurusan Darul Qurān Singapura benar-benar berusaha merealisasikan objektif yang digariskan. Program-program pengajian yang ditawarkan serta penganjuran aktiviti al-Quran sememangnya memenuhi keperluan masyarakat Islam Singapura. Dengan adanya pelbagai program pengajian al-Quran di Masjid Siglap, ia menjadi satu bukti bahawa masyarakat Islam Singapura sentiasa ingin mengetahui dan mempertingkatkan diri mereka dalam mempelajari ilmu al-Qurān. Malah, masyarakat Islam Singapura percaya bahawa di Pusat Darul Qurān Singapura ini, mereka mampu memperolehi ilmu al-Qurān dengan baik dan mendidik diri mereka untuk lebih dekat dan cinta terhadap al-Qurān.

Darul Qurān Singapura juga telah berjaya melahirkan guru-guru al-Qurān yang berkualiti dalam mengajar masyarakat Islam Singapura yang lain. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama penuntut di Darul Quran Singapryra, rata-rata kesemua penuntut berpuas hati dengan program yang diadakan oleh pihak Darul Qurān. Kepuasan penuntut terhadap pihak Darul Qurān menunjukkan keberkesanan program yang ditawarkan bersesuaian dengan apa yang diperlukan sebagai guru untuk mengajar al-Qurān. Malah, tidak ada institusi atau pusat di Singapura yang menyentuh aspek metodologi pengajaran al-Qurān dan juga program untuk meningkatkan prestasi guru-guru al-Qurān melainkan hanya di Darul Qurān Singapura. Para guru yang mengikuti program SCQT dan SDQT anjuran pihak pengurusan Darul Quran kini giat mengajar al-Qurān di institusi al-Qurān yang lain kerana mereka berasa yakin dengan pengiktirafan serta ilmu yang mereka perolehi, malah mereka juga giat mempelajari ilmu mengenai al-Qurān seperti ilmu tafsir kerana mereka sudah mempunyai minat yang mendalam untuk mengetahui ilmu al-Qurān setelah mengikuti SCQT atau SDQT. Dapat dilihat bahawa program persijilan dan

³⁵ Antara masjid yang menganjurkan program bagi asatizah adalah Masjid Yusof Ishak. Masjid tersebut menjemput Ustazah Sulizah Bte Salleh, Pengurus Nadi Furqan Services, iaitu pusat pengajian al-Qurān yang mengajar para asatizah bagaimana cara mengajar asas pengajian al-Qurān kepada kanak-kanak dengan pendekatan yang menarik supaya pelajar tersebut tidak hanya membaca akan tetapi melakukan aktiviti bersama al-Qurān. *Ibid.*

pentauliahannya al-Quran seperti SCQT dan SDQT di Masjid Siglap memberikan keyakinan kepada masyarakat Singapura untuk mempelajari ilmu al-Quran bersama guru yang bergraduat daripada sistem persijilan tersebut kerana sijil kelayakan tersebut menjadi satu bukti bahawa guru-guru tersebut mempunyai kualiti yang baik dalam mengajar, hasil daripada inisiatif Darul Qurān Singapura.

Darul Qurān Singapura turut beroperasi sebagai pusat yang mengijazahkan pentauliahannya kepada guru-guru al-Qurān di Singapura. Para guru al-Qurān perlu melalui sesi temuduga untuk memperoleh pengiktirafan tersebut. Justeru, pihak Darul Qurān mempunyai rekod senarai nama guru-guru al-Qurān yang berkelayakan untuk mengajar al-Qurān di Singapura. Data ini amatlah penting bagi Darul Qurān untuk mengambil tindakan jika terdapat aduan yang diterima daripada masyarakat Singapura mengenai salah laku guru al-Qurān. Data profil guru yang disimpan oleh Darul Qurān demi memastikan mereka benar-benar menyebarkan ilmu al-Quran secara bertanggungjawab. Jika pihak Darul Qurān mengenal pasti guru al-Qurān yang bermasalah hasil daripada aduan orang ramai, maka pentauliahannya akan ditarik dan digantung dari mengajar al-Quran.

8.0 KESIMPULAN

Institusi masjid memainkan peranan yang begitu penting sebagai platform penyebaran kefahaman Islam dan dakwah terhadap komuniti. Antara kefahaman Islam terpenting yang perlu diterapkan kepada umat Islam ialah pendidikan al-Quran. Di Singapura, Masjid Siglap menjadi pusat terpenting penyebaran ilmu al-Quran secara formal dan tidak formal. Masjid ini turut dikenali sebagai Darul Quran kerana kluster ilmu al-Quran diberi penekanan yang mendalam di masjid ini berbanding masjid-masjid lain di Singapura. Ternyata pengajian al-Quran di Darul Quran Masjid Siglap menjadi satu keperluan terpenting komuniti muslim berikutan penyediaan kurikulum pengajiannya yang sistematik serta menyentuh pelbagai disiplin ilmu al-Quran. Malah terdapat aktiviti khusus yang dibangunkan oleh Darul Quran seperti menganjurkan musabaqah tahfiz Jeelun Qurani secara tahunan, menerbitkan jurnal *Jeelun Qurani*, dan mencetak mushaf al-Quran dengan memuatkan corak-corak mewakili identiti Singapura, hasil inisiatif Lembaga Pentadbir Masjid Kampung Siglap.

RUJUKAN

- Basirah Abu Bakar, “Metod Pengajian Tahfiz Singapura: Kajian Darul Quran Singapura”, Simposium (2016), https://www.academia.edu/40034384/METOD_PENGAJIAN_TAHFIZ_DI_SINGAPURA_KAJIAN_DARUL_QURAN_SINGAPURA
- Emillia Amin, “Program aLIVE di semua masjid akan dikendalikan secara terpusat di bawah ILHAM menjelang 2024”, Berita Online, 7 Disember 2022.
- Go Business Singapore, Asatizah Recognition Scheme, laman seSAWang gobusiness, diakses 20 Januari 2023, [https://www.gobusiness.gov.sg/browse-all-licences/majlis-ugama-islam-singapura-\(muis\)/asatizah-recognition-scheme#:~:text=Continuous%20Professional%20Education%20\(CPE\)%20is](https://www.gobusiness.gov.sg/browse-all-licences/majlis-ugama-islam-singapura-(muis)/asatizah-recognition-scheme#:~:text=Continuous%20Professional%20Education%20(CPE)%20is)
- Khairunnisa Binte Mohamed Rahim, “Jurnal Jeelun Qurani”, Pelaksanaan Musabaqah Tahfiz Al-Qurān ‘*Jeelun Qurani*’ Darul Quran Singapura (DQS).1 (2019).
- Majlis Ugama Islam Singapura, “*Islamic Education, ADIL*”, laman seSAWang, dikemaskini 2020, diakses 20 Disember 2022, <https://www.muis.gov.sg/ie/Programmes/Adults/ADIL-Modules-and-Course-Structure#footnote16>
- Majlis Ugama Islam Singapura, “*Islamic Education, Kids aLIVE*”, laman seSAWang, dikemaskini 2020, diakses 20 Disember 2022, <https://www.muis.gov.sg/ie/Programmes/Kids/Kids-aLIVE>
- Masjid Kampung Siglap, “*Programs & Courses*”, laman seSAWang, dikemaskini 2022, diakses 10 Januari 2023, <https://www.mks.org.sg/>
- Mohamed Qusairy Bin Thaha (Bekas Pegawai Darul Quran) dalam temubual dengan penulis, 7 Disember 2022.
- Muhammad Haikal Bin Ab Halim (Pegawai Eksekutif Dakwah, Masjid Al-Amin), dalam temubual dengan penulis 2 Disember 2022.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, “Pengimarahannya Masjid: Tugas Kita,” laman seSAWang Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 5 Ogos 2019, diakses 20 Disember 2022, https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimarahannya-masjid-tugas-kita#_ftn1
- Penulis tidak diketahui, Kampungku Siglap Memoir Mohd Anis Tairan, Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, 2010).

- Penulis tidak diketahui, Lembaga Pentadbir Masjid al-Amin, *Dirgahayu Masjid al-Amin: Meraikan 25 Tahun Kecemerlangan* (Singapura: Masjid al-Amin, 2016).
- Penulis tidak diketahui, Prospektus Dan Buku Panduan Sijil Tahfiz Darul Quran Singapura, (Singapura: Masjid Kampung Siglap).
- Prof Madya Dr Sedek Ariffin (Pensyarah Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 5 Disember 2023, secara atas talian.
- Rosdiana Alias (Pengurus Masjid Kampung Siglap), Nur Muslimah Imam Fakeh (Pemasaran & Komunikasi (Marcomm), dalam temubual dengan penulis, 6 Disember 2022.
- Sakinah Saptu, Mahyudin Sabri Zainal, Mohamed Qusairy Thaha, Peranan Darul Quran Singapura (DQS) Dalam Melestarikan Pengajian Ilmu Al-Qurān: Satu Tinjauan, diakses pada 25 Januari 2023.
- Ustaz Jasmani Abdullah (Bekas Pegawai Masjid Kampung Siglap dan Darul Quran), dalam temubual dengan penulis 29 Januari 2023.
- World Population Prospects (2022 Revise), “*Singapore Population 2022*”, laman seSAWang United Nations, diakses 20 Disember 2022, <https://worldpopulationreview.com/countries/singapore-population>